



TEKS UCAPAN

YBHG. PROF. DR. AZLINDA BINTI AZMAN

Mewakili;

**YB DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN
MENTERI PENDIDIKAN TINGGI**

**SEMPENA
MAJLIS MAKAN MALAM GALA iCEPS**

**7 OKTOBER 2023 | SABTU | 8 MALAM
HOTEL FOUR SEASONS, KUALA LUMPUR**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanir Rahim,

- 1. Yang Berbahagia Profesor Datuk Emeritus Dr. Raduan Che Rose**
Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti
Universiti Teknologi MARA
- 2. Yang Berbahagia Datuk Profesor Dr. Azizul Halim Yahya**
Ketua Eksekutif
Institut Pendidikan Berterusan dan
Pengajian Profesional (iCEPS)
- 3. Barisan Pengurusan Eksekutif UiTM;
Penolong-Penolong Naib Canselor,
Rektor, Dekan**
- 4. Pihak Industri yang bersama-sama
dengan iCEPS meraikan Majlis Makan
Malam Gala iCEPS**
- 5. Jemputan-jemputan Khas dari pelbagai
sektor; dan**
- 6. Yang Berbahagia Tan Sri- Tan Sri,
Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan- Tuan dan
Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Ucapan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan inayah-Nya dapat kita semua meluangkan masa menghadiri **Majlis Makan Malam Gala iCEPS** yang dianjurkan sempena Ulang Tahun ke 50 **Institut Pendidikan Berterusan dan Pengajian Profesional (iCEPS) Universiti Teknologi MARA**.
2. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penganjur atas inisiatif mengadakan platform sesi “*networking*” ini bagi memudahkan aktiviti percambahan idea dan pertukaran maklumat bermanfaat antara agensi dan industri.
3. Saya pada hari ini, mewakili Yang Berhormat Dato’ Seri Mohamed Khaled bin Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi berasa amat berbesar hati kerana dapat turut serta meraikan ulang tahun penubuhan iCEPS yang ke-50 dengan menghayati

pelbagai pencapaian yang telah dihasilkan untuk universiti dan industri pendidikan.

Para hadirin sekalian,

4. Apabila genapnya usia iCEPS yang ke-50 ini, dapat kita renung melalui pelbagai sejarah yang telah terlakar sepanjang perjalanan yang panjang ini. Saya yakin, dengan pengalaman dan pengetahuan seusia ini, institusi ini sentiasa bersedia menawarkan perkhidmatan dan menghasilkan graduan yang lebih berkualiti untuk UiTM, sektor pendidikan dan sekaligus untuk negara.

5. Sebagai institusi yang menawarkan pelbagai program sepanjang hayat, iCEPS dilihat telah memainkan peranan utamanya dengan baik melalui program separuh masa, kursus-kursus jangka pendek, program profesional dan francais antarabangsa. Dengan kepelbagaian ini saya yakin kemampuan iCEPS untuk mengorak langkah lebih jauh dan melebarkan sayapnya ke peringkat yang lebih tinggi.

6. iCEPS telah menjadi tonggak pencapaian dalam bidang pendidikan dan profesionalisme, dan ini tidak mungkin tercapai tanpa sokongan daripada industri, pihak berkepentingan, dan komuniti. Industri adalah tulang belakang kepada setiap pencapaian yang telah kita kecapai selama ini. Semangat kerjasama dan perkongsian kita dengan industri telah membawa kepada inovasi dan pertumbuhan yang luar biasa dalam pendidikan berterusan.

7. Hari ini, sempena menyambut ulang tahun ke-50 iCEPS UiTM, kita bakal saksikan bersama-sama beberapa pengumuman istimewa. Pertama, satu pelancaran buku yang memberi naratif perjalanan iCEPS selama 50 tahun dalam melusuri pendidikan tinggi bermula pada tahun 1973.

8. **Buku Transformasi Pendidikan Global** ini akan menjadi rujukan, sumber inspirasi dan pengetahuan untuk generasi akan datang dan mempersembahkan kisah-kisah kejayaan dan

pencapaian besar yang telah kita kecapai bersama. Melalui buku ini juga dapat kita lihat transformasi iCEPS yang mengamalkan kaedah Jimat, Inovatif dan Jana dimana warganya telah diterapkan dengan budaya sentiasa menggunakan sumber manusia, sumber masa dan sumber fizikal secara optimum bagi mencapai impak dalam inisiatif penjanaan universiti.

9. Kedua, sebuah "**Program Pendidikan Sepanjang Hayat 2.0**" yang akan memberikan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti kita bakal dilancarkan pada malam ni. Program ini memaksimumkan potensi platform teknologi dan bergerak seiring dengan agenda Pelan Strategik Pendigitalan KPT 2021 – 2025. Ini bagi memperkasakan keilmuan dalam kalangan masyarakat di pelbagai peringkat agar mampan di peringkat global dengan mengambilkira perkembangan gig ekonomi yang membawa pengaruh yang besar dalam ekosistem pendidikan

tinggi. Secara dasarnya, terdapat enam (6) konsep Pendidikan Sepanjang Hayat 2.0 iaitu:

- i. Pasca Normal
- ii. Berteraskan Teknologi
- iii. Pembelajaran fleksibel dan secara personal
- iv. Manusiawi
- v. Kemampanan dan
- vi. Pembelajaran global dan silang budaya

10. Konsep-konsep ini adalah usaha yang inovatif dan relevan dalam menangani cabaran dalam pendidikan dan ekonomi masa kini. Ini boleh menjadi satu prototaip atau idea yang cemerlang untuk dirancang dan dilaksanakan oleh pihak UiTM atau institusi pendidikan lain yang ingin memajukan pendidikan dan pembangunan masyarakat. Konsep yang komprehensif ini dapat membantu meningkatkan akses kepada pendidikan sepanjang hayat, mengurangkan jurang digital, dan

memberikan sokongan ekonomi kepada individu dalam masyarakat.

11. Selain daripada itu, dalam usaha untuk merealisasikan program ini, saya dengan gembiranya ingin mengumumkan kita akan melancarkan satu kerjasama di antara iCEPS dengan CelcomDigi yang dinamakan sebagai ***Smart Education***. Dalam usaha iCEPS melaksanakan Pendidikan Sepanjang Hayat 2.0, pihak CelcomDigi berbesar hati memberi sokongan penuh dalam pelaksanaan pendigitalan dalam sistem pembelajaran iCEPS. Antara bidang utama dalam inisiatif ini adalah:

- i. Digital Learning Platforms*
- ii. Content Delivery and Accessibility*
- iii. Skills Development*
- iv. Research and Innovation*
- v. Community Engagement*

Kolaborasi ini akan membolehkan para profesional di bidang masing-masing berinteraksi dengan ahli industri secara langsung, bertukar pengalaman, dan belajar dari tokoh yang terbaik dalam bidang mereka.

Para hadir sekalian,

12. Golongan belia masa kini perlu dibekalkan ilmu yang mampu menggilapkan potensi mereka bukan sahaja di peringkat tempatan malah antarabangsa. Oleh itu, penguasaan ilmu dengan teknologi terkini perlu diberi penekanan yang serius dan lebih baik.

13. Pendekatan untuk mengatasi cabaran ini memerlukan pendekatan pelbagai aspek yang merangkumi program pendidikan yang komprehensif, penglibatan komuniti, usaha jangkauan yang disasarkan dan kerjasama dalam kalangan profesional, pendidik, penggubal dasar dan pemimpin masyarakat.

14. Dengan segala usaha dan dedikasi yang dicurahkan, saya berharap iCEPS UiTM akan terus

mampan dengan misi dan visinya di peringkat tempatan dan antarabangsa, insya-Allah. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan tahniah, kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya kepada pengurusan tertinggi UiTM dan semua pihak yang terlibat di atas komitmen yang diberikan untuk menjayakan majlis pada malam ini.

15. Dengan lafaz *Bismillah hirrahman nirrahim*, saya mewakili Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dengan ini merasmikan **Majlis Makan Malam Gala iCEPS** sempena Ulang Tahun yang ke-50.

**Sekian Wabillahitaufik walhidayah,
Wassalamualaikum warahmatullahibarakatuh.**